

11/03/1999

Reformasi sistem kewangan perlukan komitmen G7

Kadir Dikoh

AKHIRNYA, perjuangan Malaysia yang tidak pernah luntur bagi mendisiplin dan mengawal selia sistem kewangan antarabangsa mula menampakkan reaksi positif masyarakat dunia termasuk daripada Presiden Amerika Syarikat, Bill Clinton.

Sidang Kemuncak Kumpulan Negara Maju (G7) di Cologne, Jerman Jun ini yang dijangka membincangkan reformasi sistem kewangan antarabangsa dengan usaha membentuk kerangka kewangan sejagat, memperakui hakikat itu. Ini membawa harapan baru bukan saja kepada Malaysia malah masyarakat seluruh dunia terutama yang terjejas teruk akibat krisis ekonomi yang kini merebak tanpa batas.

Krisis yang bagaikan peluru tiada bermata itu, sememangnya perlu ditangani segera melalui tindakan disiplin pasaran yang terlalu bebas bukan saja kepada pemain seperti George Soros malah sumber dana iaitu institusi perbankan. Pembiayaan keterlaluan oleh bank kepada dana lindung nilai misalnya mendedahkan kelemahan pentadbiran korporat, salah satu elemen utama pencetus krisis kewangan.

Sepucuk surat Presiden Perancis, Jacques Chirac kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempelawa Malaysia menyertai sidang khas lapan ketua kerajaan di negara itu, akhir tahun ini bagi mengkaji semula kerangka kewangan antarabangsa, membuka harapan merintis jalan yang lebih luas ke arah itu membabitkan negara membangun yang menjadi mangsa utama krisis ekonomi sekarang.

Dalam ucapannya di San Francisco minggu lalu, Clinton mengakui pentingnya satu reformasi kewangan dilaksanakan bagi menghadapi pengaliran keluar modal asing ke dalam pasaran baru muncul dan kemudian mengalir keluar semula dengan cepat. Ini kata Clinton menyebabkan ekonomi terbabit menjadi muflis dan kesannya berjuta-juta rakyat menjadi miskin sekelip mata selepas mereka ini baru saja menjadi sebahagian masyarakat kelas menengah.

Presiden Amerika Syarikat itu kemudian mengesyorkan supaya Sidang Kemuncak G7 di Cologne melakukan lebih banyak tindakan dalam melaksanakan reformasi kewangan. Wakil Kumpulan Negara-Negara Membangun (G15) akan turut dijemput menghadiri sidang itu. Chirac dalam surat kepada Dr Mahathir meminta G15 menghantar wakil negara anggota kumpulan berkenaan ke sidang di Cologne itu.

"Chirac berpendapat kemajuan sudah dicapai ke arah memberi ruang kepada negara membangun mengambil bahagian dalam merangka formula untuk mewujudkan sebuah kerangka kewangan antarabangsa," kata Perdana Menteri memetik sebahagian daripada kandungan surat Chirac itu sekembalinya dari Dhaka, Bangladesh minggu lalu selepas menghadiri Sidang Kemuncak Lapan Negara Islam Membangun (D8).

Ketika Mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Kuala Lumpur, November lalu, Dr Mahathir antara lain menyarankan isu mata wang dibincangkan dalam forum yang turut disertai negara membangun. Menurut Perdana Menteri, forum terbaik untuk tujuan itu ialah dalam Kumpulan 22 yang merangkumi G7 dan G15, bukan G7 saja kerana G7 eksklusif kepada negara sangat kaya dan tidak terjejas teruk oleh krisis kewangan seperti dihadapi negara membangun.

Bagaimanapun, soal khusus mengenai kawal selia perdagangan mata wang itu tidak dimasukkan ke dalam Perisytiharan Kuala Lumpur kerana badan lebih besar seperti Kumpulan G22 adalah forum lebih sesuai bagi menangani

masalah itu. Menurut Dr Mahathir ketika itu, walaupun pemimpin negara anggota Apec sependapat dengan Malaysia mengenai keperluan untuk mengawal selia kegiatan perdagangan mata wang, pelaksanaannya mengambil masa. Malah, kata Perdana Menteri, Malaysia dari awal lagi sudah menyuarakan mengenai keperluan untuk berbuat demikian.

Walaupun Perisytiharan Bersama Apec Kuala Lumpur itu tidak begitu jelas mendorong kepada perlunya satu reformasi sistem kewangan dunia, setidaknya-tidaknya 21 negara anggota bertekad untuk merumuskan strategi ekonomi yang menjurus kepada pertumbuhan, menggerakkan semula pengaliran modal dan menentukan kestabilan pasaran kewangan.

Persoalan sekarang ialah sejauh mana kesungguhan dan komitmen negara maju G7 terutama Amerika Syarikat menangani masalah ini. Dunia tahu Amerika Syarikat jarang sekali mengotakan janjinya jika tidak ada kepentingan tertentu. Malah sejak krisis ekonomi mula tercetus di Asia Tenggara kira-kira 20 bulan lalu, Amerika Syarikat dan kuasa besar Barat bukan saja kurang membantu tetapi melemparkan pelbagai tuduhan.

Mereka menuduh krisis itu berpunca daripada ketidaksempurnaan ekonomi domestik negara yang terjejas, kepemimpinan rasuah, sistem perbankan yang tidak terkawal, defisit akaun semasa yang melebar, tanggungan hutang luaran yang banyak dan kemudian dikaitkan dengan isu kronisme yang menebal di Asia. Krisis itu kemudian menular ke Russia, Afrika dan Amerika Latin.

Malah, saranan Dr Mahathir supaya sistem kewangan antarabangsa dikawal selia dalam satu ucapan yang mencetus kontroversi di Hong Kong ketika kemuncak krisis pada September 1997, dijadikan bahan ketawa dan dilabel sebagai tidak faham mengenai mekanisme pasaran mata wang yang rumit itu.

Ketika itu, Perdana Menteri mendesak masyarakat kewangan antarabangsa mengharamkan sistem urus niaga tukaran mata wang asing sedia ada kerana amalan itu bertentangan dengan moral kemanusiaan dan tidak produktif sambil menegaskan sistem kuno seperti itu mesti dihapuskan demi kesejahteraan sejagat.

"Saya menyatakan semua ini kerana masyarakat dunia mesti dilindungi daripada mereka yang tamak haloba menyambar keuntungan. Saya tahu saya menanggung risiko apabila membuat cadangan ini tetapi urus niaga itu mesti dihenti dan diharamkan. Kita tidak lagi perlu urus niaga pasaran mata wang. Kita hanya perlu membeli mata wang jika mahu membiaya perdagangan tulen. Jika tidak, mata wang tidak harus dijual beli seperti komoditi," katanya menggambarkan kekecewaan Malaysia dalam ucapannya pada seminar menjelang Mesyuarat Tahunan Tabung Matawang Antarabangsa-Bank Dunia (IMF-Bank Dunia) di Hong Kong kira-kira 18 bulan lalu.

Sehari kemudian, Soros yang turut berada di Hong Kong ketika berucap dalam satu seminar Bank Dunia menyerang balas cadangan Dr Mahathir itu sambil menyifatkan kenyataan itu sebagai mencampuri urus niaga tukar menukar modal. "Ini adalah `rencah-rencah kehancuran," kata Soros.

Kini, Soros bagaikan `menjilat ludahnya sendiri' apabila mula memperakui hakikat sebenar dan kelihatan berkongsi pendapat dengan Dr Mahathir walaupun pemilik Quantum Fund itu tidak berterus terang menyatakan pandangan Perdana Menteri betul dan tepat. Sebaliknya, Soros menyatakan perlunya diadakan segera reformasi sistem kapitalis sejagat. Dalam buku terbarunya bertajuk *The Crisis of Global Capitalisation*, Soros antara lain berkata beberapa asas yang menjejaskan sistem kewangan dunia dan jika ini tidak dibendung, sistem kewangan itu akan pecah `dan kita akan menerima kesan buruk daripadanya'.

Ramai lagi pemimpin dunia sependapat dengan Dr Mahathir sejak kebelakangan ini dan Chirac adalah antara yang ketara menyokong pandangan itu selain pemimpin dari Jepun dan Kanada. Canselor Jerman, Gerhard Schroeder misalnya secara terbuka mengecam spekulator yang disifatkan sebagai pencetus masalah di pasaran saham sambil menyarankan sudah tiba

masa dunia bersungguh-sungguh menubuhkan satu kerangka kewangan yang baru.

Kecenderungan Clinton yang mula mengubah pendirian untuk pembaharuan sistem kewangan itu, mudah difahami kerana Amerika Syarikat sejak beberapa bulan lalu sudah merasai bahang krisis yang berjangkit dari Asia itu. Industri Amerika kerugian RM114 bilion (AS\$30 bilion) dalam eksport dan menyebabkan pembuangan kerja sektor pembuatan serta pendapatan ladang merosot dalam perangkaan dikeluarkan melalui kenyataan ahli Kongresnya di Washington, Doug Bereuter baru-baru ini.

Ini tidak mengejutkan dan memang sudah dijangka meskipun pada peringkat awal, Amerika Syarikat menganggap apa yang berlaku di Asia bukan masalahnya malah lebih cenderung menuding jari mencari kesalahan orang lain. Apabila ada negara di Asia menyelamatkan syarikat korporat, ia menuduhnya sebagai usaha menyelamatkan (bailing out) dan berikutan itu, pasaran negara terbabit turut terjejas. Tetapi apabila mereka melakukan tindakan serupa, ia dianggap 'halal' dan wajib.

Contoh terbaik double standard kuasa besar itu ialah tindakannya menyelamatkan dana lindung nilai Long Term Capital Management (LTCM) yang hampir runtuh tahun lalu. Diselaraskan oleh Rizab Persekutuan New York, LTCM diselamatkan sebanyak AS\$3.5 bilion oleh 14 institusi kewangan setelah menanggung kerugian dalam pelaburan berisiko tinggi. Keadaan ini memaksa Washington untuk mengetatkan kawal selia dan pelaporan mengenai pemberian pinjaman oleh bank kepada dana lindung nilai.

Dr Mahathir ketika Forum Ekonomi Dunia Januari lalu antara lain menyatakan bahawa pergolakan di dalam sistem kewangan akan dikurangkan jika bank mengekalkan pemberian pinjaman mereka kepada dana lindung nilai pada paras yang berhemat. Katanya, spekulasi mata wang berlebihan boleh dibendung dengan mengawal sokongan dana lindung nilai dan pedagang mata wang terutama apabila mereka diberikan dana berjumlah 20 atau 200 kali modal mereka.

Namun, aktiviti dana lindung nilai yang tidak dikawal selia sebahagian besarnya berubah setelah langkah menyelamatkan LTCM. Pada 1 Februari lalu, Rizab Persekutuan Amerika Syarikat mengeluarkan garis panduan amalan terbaik baru bagi pengawal selia menilai urusan bank dengan dana lindung nilai.

Memandangkan perkembangan ini, Sidang Kemuncak G7 di Cologne nanti diharap turut menekankan intipati kepada masalah sistem kewangan sejagat iaitu hubungan antara bank dan dana lindung nilai. Seperti juga dalam kes rasuah 'tiada pemberi, tiada penerima', dua pihak ini - Bank dan dana lindung nilai perlu didisiplinkan. Tanpa pinjaman bank yang berhemat, Soros dan Quantum Fundnya akan terus bermaharajalela dan ramai lagi.

Selain itu, struktur dan dasar IMF juga perlu disusun semula, sejajar langkah merasional serta memperbaharui sistem kewangan sejagat. Agensi penarafan antarabangsa juga harus melakukan reformasi kerana kegiatan penarafannya yang tidak dikawal selia menjadi penyebab tambahan kepada krisis ekonomi sekarang.

(END)